



Anwar bersama isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pada Majlis Perasmian Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan di Butterworth, malam kelmarin.

(Foto BERNAMA)

PM mahu JAKIM perluas peranan

Butterworth: Kerajaan mahu Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) memperluaskan peranan institusi itu dalam memberi manfaat dan mengangkat martabat serta darjat negara.

Berikutan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan sama ada mufti, ulama atau tokoh agama di JAKIM memberikan input mereka selari dengan perkembangan semasa.

Katanya, peranan JAKIM sebelum ini kurang menyerlah apabila dilihat banyak tertumpu dalam dakwah, latihan termasuk bersama kerajaan negeri dalam penganjuran Majlis Tilawah al-Quran.

"Sebelum ini, termasuk beberapa tahun yang lalu dalam kerajaan (kerajaan terdahulu), JAKIM itu kerjanya ialah dakwah, latihan termasuk bersama

kerajaan negeri tentunya anjurkan tilawah.

"Tetapi dalam merangka Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dan Belanjawan Madani untuk melakukan reform (perubahan) institusi kerajaan dan negara dilihat JAKIM kurang berperanan.

"Oleh itu, saya sudah mengarahkan supaya peranan baik mufti atau ulama atau tokoh agama di JAKIM supaya selari dengan perkembangan ini dan input mereka itu dapat memberi manfaat dan mengangkat martabat, harakat serta darjat negara kita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Perasmian Majlis Tilawah dan Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTHQK) di sini, malam kelmarin.

MTHQK anjuran JAKIM akan berlangsung selama enam hari bermula kelmarin dengan mem-

babitkan penyertaan 108 peserta daripada seluruh negeri berusia 10 hingga 25 tahun.

Secara umumnya, setiap negeri diwakili lapan peserta iaitu dua peserta dalam pertandingan tilawah al-Quran, manakala enam peserta dalam pertandingan hafazan al-Quran.

Anwar berkata, kerajaan turut menambah peruntukan kepada JAKIM bagi memperkuat institusi berkenaan.

Sementara itu, Anwar meminta umat Islam memanfaatkan mukjizat al-Quran dengan membicarakan soal kemampuhan dan sistem nilai yang dijanjkannya tanpa mempertahankan sesuatu yang bertentangan.

"Ini berikutan wujud sanggahan oleh individu tertentu terhadap inisiatif kerajaan termasuk Belanjawan Madani dengan

membuat rujukan kepada ayat dalam al-Quran secara tidak tepat.

"Sebab itu saya membicarakan soal wacana yang ada dalam al-Quran itu dalam menjawab tohmahan dengan hujah yang kuat. Ini dilakukan dengan mencabar orang yang membawa idea menyanggah kitab suci itu untuk memastikan kita melakar ataupun menzahirkan sesuatu yang baik.

"Maka dalam negara kita, dalam hal-hal yang sedemikian sepatut kita pertahankan akhlak dan nilai termasuk dalam keadaan kita berbeza pandangan," katanya.

Beliau berkata, tindakan memperkudakan al-Quran untuk melepai'kan hujah juga akan merosakkan kemurnian kitab suci itu yang telah dipertahankan para ulama selama lebih 1,000 tahun.